

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB. TUAN SIM CHEE KEONG  
KAWASAN : BUKIT MERTAJAM  
NO. SOALAN : 204

YB. TUAN SIM CHEE KEONG minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan pecahan sektor perkhidmatan (sila nyatakan bidangnya) dan sumbangan setiap satu dalam bentuk ringgit dan peratus terhadap KDNK negeri Pulau Pinang dari 2008-2013.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara dengan jumlah pelaburan sebanyak RM57 bilion, diikuti sektor perkilangan (RM47.4 bilion) dan sektor utama (RM10.1 bilion), bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Pada tahun lepas, sektor perkhidmatan telah menyumbang sebanyak RM25.8 bilion kepada KDNK negeri Pulau Pinang.

Pecahan sektor perkhidmatan mengikut bidang serta sumbangannya terhadap KDNK Pulau Pinang dari tahun 2008-2013 adalah seperti di Jadual 1 dan Jadual 2..

Jadual 1: Pecahan sektor perkhidmatan mengikut bidang serta sumbangannya terhadap KDNK Pulau Pinang dari tahun 2008-2010

Bidang Perkhidmatan	Sektor	2008 (RM Juta)	(%)	2009 (RM Juta)	(%)	2010 (RM Juta)	(%)
Utiliti, Penyimpanan & Komunikasi	Pengangkutan &	4,212	21	4,235	21	4,570	21
Perdagangan Barang & Runcit, Restoran	Penginapan &	5,915	29	5,736	28	6,218	29
Kewangan & Hartanah & Perniagaan	Insuran, Perkhidmatan	5,883	29	5,912	29	6,403	30
Perkhidmatan lain-lain		2,014	10	2,094	10	2,201	10
Perkhidmatan Kerajaan		2,243	11	2,264	11	2,296	11
<b>Jumlah</b>		<b>20,267</b>	<b>100</b>	<b>20,242</b>	<b>100</b>	<b>21,688</b>	<b>100</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

(Sumber asal : Bank Negara dan Jabatan Perangkaan Malaysia)

Jadual 2: Pecahan sektor perkhidmatan mengikut bidang serta sumbangannya terhadap KDNK Pulau Pinang dari tahun 20011-2013

Bidang Perkhidmatan	Sektor	2011 (RM Juta)	(%)	2012* (RM Juta)	(%)	2013** (RM Juta)	(%)
Utiliti, Penyimpanan & Komunikasi	Pengangkutan &	4,849	21	5,238	21	5,501	21
Perdagangan Barang & Runcit, Restoran	Penginapan &	6,545	28	6,806	28	7,280	28
Kewangan & Hartanah & Perniagaan	Insuran, Perkhidmatan	6,773	29	7,038	29	7,184	28
Perkhidmatan lain-lain		2,284	10	2,400	10	2,538	10
Perkhidmatan Kerajaan		2,656	11	2,940	12	3,328	13
<b>Jumlah</b>		<b>23,107</b>	<b>100</b>	<b>24,422</b>	<b>100</b>	<b>25,831</b>	<b>100</b>

\* anggaran(estimated), \*\*permulaan(preliminary)

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

(Sumber asal : Bank Negara dan Jabatan Perangkaan Malaysia)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**

**SOALAN :**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Bukit Bendera ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci semua lawatan antarabangsa, tujuan lawatan tersebut serta kos bagi setiap lawatan tersebut sejak menjadi Perdana Menteri serta rancangan lawatan luar negara pada masa akan datang serta kos setiap lawatan beliau.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah keseluruhan kunjungan ke luar negara yang dilakukan oleh Perdana Menteri sejak April 2009 adalah melibatkan 120 lawatan merangkumi kunjungan ke negara ASEAN, Eropah, Amerika Syarikat dan lain-lain negara lagi. Perbelanjaan ini merangkumi delegasi Pegawai Kerajaan dan Pegawai Pengiring YAB Perdana Menteri.

Kunjungan-kunjungan tersebut adalah dengan tujuan rasmi seperti menghadiri mesyuarat dua hala antara Malaysia dan negara terlibat dan kunjungan rasmi bagi mengeratkan hubungan diplomatik antara Malaysia dan negara lain.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : PUAN KASTHURIRAANI A/P  
DARIPADA PATTO [ BATU KAWAN ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana 20% pelajar Malaysia yang tiada kelayakan minima berjaya masuk ke Universiti antarabangsa atau luar negara bagi jurusan kedoktoran dan adakah satu sistem penapisan yang melibatkan peperiksaan kemasukan akan diimplementasi untuk mengekalkan standard yang optimum dalam jurusan kedoktoran.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak memantau pelaksanaan peperiksaan untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi (IPT) di luar negara kerana ia dilaksanakan oleh universiti masing-masing.

Di peringkat KPM, bentuk tapisan yang dilaksanakan adalah dengan menetapkan syarat kelayakan minimum bagi *No Objection Certificate* (NOC) kepada pelajar yang ingin melanjutkan pengajian di IPT luar negara bagi program ijazah pertama dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi. Bagi pelajar-pelajar yang telah belajar di luar negara dan tidak memenuhi syarat dengan mendapat 1C atau lebih di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan diberi peluang kedua melalui mekanisme rayuan hasil keputusan Jemaah Menteri pada

12 November 2010 di mana KPM akan mengeluarkan Sijil Sokongan Luar Negara (SSLN)/NOC kepada pelajar berkenaan sekiranya mereka mendapat keputusan minimum CGPA 3.0 bagi tahun semasa pengajian.

Walaupun bagaimanapun, terdapat agen luar yang menjadi pihak ketiga dalam menguruskan penghantaran pelajar-pelajar persendirian untuk melanjutkan pelajaran di IPT luar negara. Agen-agen ini akan menguruskan kemasukan pelajar yang tidak menepati syarat kelayakan minimum dan menjanjikan mereka boleh melanjutkan pengajian walaupun tidak memenuhi syarat.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : PUAN KASTHURIRAANI A/P  
DARIPADA PATTO [ BATU KAWAN ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dengan terperinci pecahan peratusan pelajar Malaysia mengikut kaum dari tahun 2008 hingga kini dalam IPTA seperti UM, UKM, UPM, USM, UUM, UTM, UIAM, UNIMAS, UMS, UPSI, USIM, UMT, UTHM, UteM, UMP, UniMAP, Universiti Sultan Zainal Abidin, UMK dan UPNM serta peratusan pelajar Malaysia mengikut jenis etnik dan pelajar luar negara dalam semua kampus UiTM.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah keseluruhan enrolmen pelajar Malaysia di 20 institusi pengajian tinggi awam dari tahun 2011 hingga 2013 bagi Bumiputera adalah seramai 1,321,896 orang (88%) manakala bagi Bukan Bumiputera adalah seramai 187,595 orang (12%). Enrolmen pelajar antarabangsa di Universiti Teknologi Mara bagi tahun 2013 adalah berjumlah 421 orang.